

05/11/2000

Beratus ribu sertai Larian Rakyat 2006

KUALA LUMPUR: Beratus ribu rakyat negara ini keluar sejak awal pagi di seluruh negara untuk menyertai Larian Rakyat 2006, sebagai tanda sokongan terhadap usaha Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006, semalam.

Di ibu negara, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melepaskan kira-kira 10,000 peserta larian itu di Dataran Merdeka, kira-kira jam 8.00 pagi.

Walaupun, hujan renyai-renyai, ia tidak menghalang peserta termasuk Hishammuddin mengambil bahagian dalam larian sepanjang kira-kira dua kilometer itu.

Beliau turut mengumumkan bahawa Larian Rakyat 2006 dicatat dalam Malaysia Book of Records dengan pendaftaran lebih 2.3 juta orang di seluruh negara.

Selain Kuala Lumpur, beberapa bandar lain seperti Hong Kong, New Delhi (India) dan Doha (Qatar) turut menyatakan berminat menjadi tuan rumah sukan ulung benua ini.

Keputusan negara yang terpilih menjadi tuan rumah dijangka diumumkan di Pusan, Korea Selatan 12 November ini.

Bulan lalu, Kementerian Belia dan Sukan menganjurkan program 'Berjalan Untuk Negara,' bagi menyatakan sokongan rakyat terhadap usaha menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Program itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan disertai lebih dua juta orang di seluruh negara.

Di PERLIS, hampir 20,000 rakyat dari seluruh negeri menyertai acara itu yang turut disertai Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Acara itu bermula jam 8 pagi di tiga lokasi, sejauh kira-kira 2.4 kilometer berakhir di Stadium Utama Negeri.

Sebanyak 350 hadiah termasuk 300 hamper manakala selebihnya barangan elektrik dan basikal turut disediakan penganjur bagi cabutan nombor bertuah.

Turut menyertai larian itu ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Abdul Azib Saad dan hampir semua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun), Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara mewakili kerajaan.

Di PULAU PINANG, lebih 10,000 peserta menyertai larian yang diadakan di Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), Bertam.

Larian sejauh empat kilometer itu bermula dan berakhir di kompleks sukan berkenaan serta melalui beberapa jalan, termasuk Jalan Datuk Ahmad Badawi dan Jalan Bertam.

Peserta dilepaskan oleh Ketua Menteri, Tan Seri Dr Koh Tsu Koon.

Sebelum larian, semua peserta menyertai acara senamrobik hampir satu jam di kompleks berkenaan.

Di IPOH, kira-kira 5,000 penduduk pelbagai lapisan mengambil bahagian dalam acara itu di Stadium Perak di sini.

Upacara pelepasan larian berkenaan dilakukan Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pembangunan Sumber Manusia negeri, Jamal Nasir Rasdi yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Turut menyertai larian sejauh 2.4 kilometer itu, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Mahsun Taib; Datuk Bandar Ipoh, Datuk Talaat Husain, beberapa wakil rakyat dan ketua jabatan.

Di SARAWAK, lebih 150,000 penduduk negeri itu turut serta dalam Larian Rakyat yang diadakan serentak di semua bandar utama di negeri itu.

Di Kuching saja, lebih 15,000 penduduk pelbagai peringkat umur mengambil bahagian dalam acara yang diadakan di Padang Merdeka, di tengah pusat bandar raya.

Peserta dilepaskan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang turut mengambil bahagian dalam acara larian sejauh 3.5 kilometer itu.

Di KOTA KINABALU, hujan lebat yang bermula sejak awal pagi tidak menghalang lebih 30,000 peserta mengambil bahagian dalam larian itu.

Larian Rakyat 2006 bermula jam 8 pagi di Padang Merdeka dekat sini, dilepaskan oleh Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam. Larian sejauh tiga kilometer itu melalui Jalan Pantai, Jalan Tunku Abdul Rahman dan kemudian kembali ke Padang Merdeka.

Larian berkenaan turut disertai Menteri Pembangunan Belia, Kebudayaan dan Kemajuan Sukan, Datuk Rubin Balang; Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan, Datuk Yahya Hussin dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk K Y Mustafa.

Acara cabutan tiket bertuah turut diadakan di Padang Merdeka tempat berakhirnya acara itu.

Sabah antara negeri yang mempunyai jumlah peserta larian tertinggi iaitu 203,864 peserta, jumlah yang lebih tinggi berbanding tahun lalu.

Sebanyak 24 lokasi di Sabah menyertai larian itu yang membabitkan enam bahagian iaitu pantai barat, Kudat, Tawau, Keningau, Sandakan dan Beaufort.

Di TUARAN, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Wilfred Bumburing melepaskan lebih 2,000 peserta peringkat daerah itu jam 8 pagi semalam.

Larian sejauh tiga kilometer itu melalui Jalan Sekolah Menengah Badin, Kampung Barus dan Maktab Perguruan Kent Tuaran, turut disertai Pembantu Menteri Pembangunan, Perindustrian, Datuk Hajiji Mohd Noor; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tamparuli, Edward Linggu Bakut; dan Adun Kiulu, Louis Rampas.

Di LABUAN, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman melepaskan lebih 15,000 peserta Larian Rakyat 2006 bermula di Dataran Labuan jam 8 pagi dan berakhir di tempat yang sama.

Turut menyertai larian itu, Pengarah Pentadbiran Labuan, Datuk Mohd Noor Mokhtar.

Di KUALA TERENGGANU, seramai 30,000 peserta pelbagai peringkat termasuk pelajar sekolah menengah dan rendah serta belia daerah Kuala Terengganu mengambil bahagian dalam acara larian sejauh tiga kilometer yang bermula di Stadium Sultan Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu.

Pelepasan peserta disempurnakan bersama oleh Pengarah Pembangunan Negeri Terengganu, Ismail Dollah Harun dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Tengku Mohamad Tengku Abdul Rahman.

Sebuah motosikal Kriss dan 10 basikal serta 340 hadiah berupa hamper disediakan untuk pemenang cabutan bertuah.

Di JOHOR BAHRU, kira-kira 10,000 warga kota membanjiri Dataran Bandaraya, dekat sini, seawal jam 6.30 pagi semalam untuk menyertai larian itu.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman melepaskan larian sejauh 3.3 kilometer itu.

Larian sama turut diadakan di 26 lokasi lain di seluruh negeri itu. Abdul Ghani berkata, program 'Larian Rakyat' membolehkan masyarakat memberikan sokongan kepada kerajaan dalam usahanya menganjurkan sukan berprestij itu.

(END)